



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**  
**PROSIDING e-BICARA BAGI KES RAYUAN SIVIL DAN JENAYAH**  
**DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA**

Badan Kehakiman Malaysia sekali lagi mengorak langkah seiring perkembangan teknologi dengan memperkenalkan sistem e-Bicara bagi pendengaran kes-kes rayuan sivil dan jenayah di Mahkamah Tinggi Malaya. Sistem e-Bicara ini merupakan pendengaran kes rayuan yang dijalankan secara fizikal di Mahkamah Tinggi tanpa menggunakan kertas (*paperless*). Justeru itu, semua salinan dokumen yang ingin dirujuk oleh pihak-pihak kepada Mahkamah adalah menggunakan salinan lembut (*soft copy*) yang dipaparkan dengan menggunakan peralatan *wireless presenter* ke dalam skrin TV LED.

Prosiding kes secara e-Bicara ini akan dilaksanakan secara berperingkat di Mahkamah-Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Rendah Malaya. Sebagai perintis, prosiding kes rayuan secara e-Bicara pertama telah didengar pada 8 Disember 2020 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Bahagian Sivil (NCVC 7) di hadapan YA Datuk Seri Mohd Firuz bin Jaffril. Perayu bagi kes rayuan tersebut diwakili oleh peguam dari Tetuan K C Tang & Co manakala Responden diwakili oleh peguam dari Tetuan Han & Partners.

Pada tarikh yang sama juga, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Bahagian Dagang (NCC 2) telah menjalankan prosiding rayuan secara e-Bicara di hadapan YA Tuan Ong Chee Kwan. Perayu bagi kes tersebut diwakili oleh Tetuan Rose Hussin manakala Responden diwakili oleh Tetuan Au & Jasvinjit.

Selain itu, satu kes rayuan jenayah secara e-Bicara telah dijalankan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 11 Disember 2020. Prosiding tersebut adalah rayuan terhadap perintah sabitan dan hukuman Mahkamah Majistret bagi satu (1) pertuduhan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dua (2) pertuduhan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Perayu yang hadir diwakili oleh peguam, Encik Tharamjit Singh dari Tetuan Tharamjit Singh & Co manakala pihak Pendakwa Raya selaku Responden diwakili oleh Puan Syamimi Farhana Abd Aziz.

Badan Kehakiman Malaysia percaya inisiatif ini adalah antara usaha penambahbaikan substantif bagi jentera kehakiman yang memberi penekanan kepada penggunaan teknologi dalam pendengaran kes, selain daripada memelihara ekosistem dengan mengurangkan penggunaan kertas dan sekali gus memastikan masyarakat memperoleh akses kepada keadilan.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 12 Disember 2020**